

18 FEB 1999

DAP GESA PILIHAN RAYA DI SABAH DIJALANKAN SECARA ADIL

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang hari ini menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memastikan kempen pilihan raya yang bersih dan adil bukan sahaja semasa pilihan raya negeri Sabah yang akan diadakan pada bila-bila masa sekarang tetapi juga pada pilihan raya umum akan datang.

Lim mendakwa bahawa polis tidak membenarkan pemimpin ADIL (pergerakan keadilan sosial) Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail untuk berucap pada satu perjumpaan Tahun Baru Cina yang dihadiri kira-kira 3,000 orang di Sabah semalam walaupun beliau merupakan tetamu kehormat.

Beliau ingin tahu sama ada polis akan mengenakan "perintah" yang sama terhadap Dr Mahathir yang melawat Sabah hari ini untuk memulakan jelajahnya ke seluruh negara.

Dalam satu kenyataan di sini, Lim berkata Malaysia menghadapi tiga krisis -- politik, ekonomi dan moral -- tetapi bukan satu krisis perkauman.

Beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab semua pemimpin politik, sama ada di dalam kerajaan atau pembangkang, untuk menjauhi daripada politik perkauman.

Lim mengulas kenyataan Dr Mahathir dalam perutusannya sempena Tahun Baru Cina bahawa "sesetengah kumpulan di dalam dan luar negara sedang melaga-lagakan kaum-kaum di negara ini agar rusuhan akan berlaku dan pembangunan terbantut."

-- BERNAMA

SJ AKD